



## JOURNAL OF TOURISM, HOSPITALITY AND ENVIRONMENT MANAGEMENT (JTHEM)

[www.jthem.com](http://www.jthem.com)



# PEMBANGUNAN KERANGKA TEORITIS BAGI BINA-TEMPAT PELANCONGAN TAPAK WARISAN DUNIA BANDARAYA MELAKA

*THE DEVELOPMENT THEORETICAL FRAMEWORK FOR TOURISM PLACE-  
MAKING WORLD HERITAGE SITE MELAKA CITY*

Mohamad Kazar Razali<sup>1\*</sup>, Habibah Ahmad<sup>2</sup>, Er Ah Choy<sup>3</sup>, Hamzah Jusoh<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pelancongan & Hospitaliti, Politeknik Sultan Idris Shah, Malaysia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: kazar\_razali@psis.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: ha@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: eveer@ukm.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: hj@ukm.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 08.08.2022

Revised date: 20.08.2022

Accepted date: 25.09.2022

Published date: 29.09.2022

#### To cite this document:

Razali, M. K., Ahmad, H., Er, A. C., & Jusoh, H. (2022). Pembangunan Kerangka Teoritis Bagi Bina-Tempat Pelancongan Tapak Warisan Dunia Bandaraya Melaka. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7 (29), 238-259.

DOI: 10.35631/JTHEM.729017.

### Abstrak:

Bina-tempat pelancongan merupakan satu proses menjadikan sesuatu ruang kepada destinasi yang berkualiti. Destinasi tapak warisan dunia menawarkan tarikan warisan kepada komuniti-pelancong kerana yang mempunyai nilai sejagat tersendiri. Komuniti merupakan sebahagian daripada tarikan warisan yang ada. Penglibatan komuniti amat penting dalam menjayakan agenda pelancongan pada setiap destinasi. Tambahan perubahan motivasi pelancong menjadikan penglibatan pelancong turut diperlukan dalam proses bina-tempat pelancong. Bina-tempat destinasi pelancongan secara konvensional dibangunkan melalui pihak kerajaan iaitu melalui pendekatan atas-bawah yang mana faktor keperluan pelancong diutamakan berbanding komuniti yang menghuni destinasi pelancongan. Justeru, berlaku konflik daripada segi pengurusan yang menjelaskan interaksi di antara komuniti dan pelancong akibat tiada penglibatan komuniti. Hal ini akan menyebabkan berlakunya penawaran pengalaman yang berkualiti tidak selari dengan status tapak warisan dunia. Oleh yang demikian penglibatan komuniti dan pelancong yang berterusan diperlukan bagi mengekalkan status yang diperolehi. Makalah ini bertujuan untuk membina membangunkan kerangka teoritis bina tempat pelancongan tapak warisan dunia. Kerangka teoritis menekankan empat komponen bagi proses bina-tempat pelancongan iaitu interaksi tempat,

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



karakter tempat, keterikatan tempat, dan pengalaman tempat yang didasari teori sistem pelancongan. Kesimpulannya, penglibatan bersama dalam proses bina-tempat pelancongan memberi kesan terhadap komuniti dan pelancong. Implikasi kajian ini memberi panduan pada dasar dan pengurusan di TWD Bandaraya Melaka.

### Kata Kunci:

Bina-Tempat Pelancongan; Komuniti; Pelancong; Penglibatan; Tapak Warisan Dunia Melaka

### Abstract:

Tourism place-making is a process of transform space to a quality destination. World Heritage Site destinations offer tourists a sense of heritage because of their unique universal value. Community involvement is crucial to the success of the tourism agenda at each destination. The addition of a change in tourist motivation makes tourist involvement a necessary part of the process of making the destinations. Conventional tourist destinations have been developed through the government through a bottom-up approach where factors of tourist need are paramount compared to the communities surrounding the tourist destination. Consequently, there is a management conflict that affects the interaction between the community and tourists due to the lack of involvement. This will result in the offering of a quality experience that is not in line with the status of the world's heritage sites. Therefore, continuous community and tourist involvement is required to maintain the status quo. This paper aims to build a theoretical framework to build world-class tourism sites. In conclusion, the joint involvement in the tourism-building process affects the community and tourists. The implications of this study provide guidance on the policies and management of WHS Melaka.

### Keywords:

Tourism Place-making, Community, Tourist, Involvement, Melaka World Heritage Sites

## Pengenalan

Bina-tempat pelancongan merupakan satu konsep dalam membangunkan sesuatu tempat kepada destinasi pelancongan. Dalam hal ini, interaksi yang positif di antara tuan rumah-pelancong diperlukan bagi memastikan destinasi pelancongan terus berkualiti dalam menarik kehadiran pelancong secara berterusan. Proses menjadikan suatu tempat kepada destinasi memerlukan penglibatan bersama di kalangan pihak berkepentingan pada destinasi pelancongan. Pengiktirafan tapak warisan dunia pada sesuatu negara memberi secara langsung pemasaran jenama yang ada pada sumber warisan yang dimiliki sesuatu negara. Hal ini turut menyebabkan persaingan yang sengit bagi menarik pelancong ke Malaysia kerana wujudnya persaingan di kalangan negara seperti Kemboja, Indonesia dan Myanmar yang lebih ke depan dalam menerajui segmen pelancongan warisan (Lisa et al, 2016).

Tambahan, destinasi pelancongan telah menjadi tempat pertemuan di antara tuan rumah dengan pelancong yang secara tidak langsung mewujudkan perhubungan pada destinasi. Bagi tempat tarikan pelancongan warisan seperti Tapak Warisan Dunia, penglibatan penting dapat menyelesaikan konflik dan penjelasan berkenaan konsep warisan di kalangan komuniti

(Rasoolimanesh et al, 2017c). Penekanan kepada syarat penglibatan komuniti pada semua peringkat penelitian, pemeliharaan dan pengurusan sumber warisan yang diguna pakai di seluruh dunia adalah melalui Konvensyen Warisan Dunia, UNESCO 1972 dan Konvensyen Warisan Tidak Ketara, UNESCO 2003 (Deacon & Smeets, 2013). Hal ini membuktikan bahawa setiap Tapak Warisan Dunia memerlukan penglibatan bersama pada peringkat sebelum pencalonan dan selepas memperolehi status seperti penyataan pada Rajah 1.

*"Negara-negara konvensyen digalakkan untuk memastikan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pengurus tapak, kerajaan, komuniti, organisasi bukan kerajaan dan pihak lain yang berminat dalam pengenalpastian, pencalonan dan perlindungan terhadap harta warisan dunia."*

Sumber: UNESCO 2016

### Rajah 1: Keperluan Penyertaan Pelbagai Pihak Berkepentingan

Di samping itu, pada tahun 2004, pihak UNESCO telah memberi panduan yang lebih menjurus kepada penglibatan bersama di antara pihak berkepentingan, komuniti dan termasuk pelancong dalam Panduan Operasi di Tapak Warisan Dunia seperti penyataan di atas (Human, 2015). Justeru, dalam perancangan dan pengurusan di TWD memerlukan penglibatan bersama bagi memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Hal ini membuktikan bahawa penglibatan komuniti di tempat tarikan pelancongan warisan seperti di TWD adalah penting bagi tujuan bina-tempat pelancongan warisan. Di Malaysia, penglibatan awalan komuniti hanyalah di peringkat awalan perancangan kerana melalui peruntukan undang-undang yang mewajibkan penyertaan awam dalam memberi pandangan dan komen bagi setiap penyediaan perancangan struktur dan tempatan (Ismail & Said, 2015).

Bina-tempat pelancongan yang berlaku di Bandar Melaka menjadikan tarikan sumber warisan bagi tarikan pelancongan antarabangsa. Hal ini dibuktikan dengan pelancong menggelarkan bandar Melaka sebagai sebuah muzium hidup dengan kepelbagaiannya sumber warisan dan penduduknya (Worden, 2003b). Sejak tahun 1980an ekonomi negeri Melaka banyak disumbangkan oleh sektor pelancongan dan menjadi identiti warisan kebangsaan. Pengkaji (Worden, 2001a) menyatakan Melaka mempunyai pakej lengkap dalam mempromosikan imej tempat tarikan pelancongan bandar warisan sebagaimana model yang diperkenalkan oleh Ashworth & Tunbridge. Kemuncak kepada perkembangan bandar raya bersejarah Melaka adalah mendapat pengisytiharan sebagai Tapak Warisan Dunia pada 7 Julai 2008 bersama bandar Georgetown oleh Pertubuhan Dunia Pendidikan Sains dan Kebudayaan (UNESCO) (Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, 2008).

Namun, kaedah tersebut masih diperdebatkan kerana had dan kapasiti komuniti dalam proses tersebut adalah terbatas (Anuar & Saruwono, 2012). Hal yang demikian, wujudnya konflik di antara komuniti dengan pengurusan tempat (Rasoolimanesh & Jaafar, 2016a). Namun, wujudnya konflik dan persepsi negatif komuniti terhadap tempat tarikan pelancongan kerana masalah kesesakan, pencemaran dan jenayah yang mengganggu kegiatan harian komuniti akan memberi kesan kepada penglibatan komuniti terhadap pelancongan (Jaafar et al., 2016; Azman et al, 2011). Hal ini menyebabkan persepsi negatif terhadap proses perancangan, reka bentuk dan pengurusan terutamanya aspek keterikatan tempat, perasaan sepunya dan sekali gus memberi pengalaman tempat yang tidak berkualiti di tempat tarikan pelancong (Lew, 2017b). Akhirnya menyebabkan agenda pelancongan pada tempat tarikan pelancongan tidak dapat dijalankan dengan baik (Moscardo & Murphy, 2016). Hal ini akan menyebabkan konflik yang

lebih serius terutamanya aktiviti pelancongan yang melibatkan komuniti sekitar. Maka, tidak hairanlah apabila terdapat beberapa akbar tempatan dan antarabangsa telah melaporkan pembangunan yang dijalankan di TWD di Bandar Melaka dan Georgetown dilakukan secara tidak terkawal dan ini memungkinkan Malaysia akan kehilangan status TWD seperti yang dilaporkan oleh (Bavani M. & Ravindran S. 2019; Mok 2016; AstroAwani 2016; Narayansamy 2016) dan akhirnya akan memberi kesan negatif kepada industri pelancongan di Malaysia. Bagi destinasi TWD Melaka turut ditimpa pelbagai permasalahan utama sama ada dari perbuatan manusia (Jamaludin & Sulaiman 2018) seperti kesesakan dijalan raya, tahap kebersihan yang tidak memuaskan dan sebagainya (Cartier 2001; King 2012; Amir et al. 2014a; Amir et al. 2017b; ResilientCities100 2019). Justeru, objektif makalah ini adalah membina kerangka teoretis bina tempat pelancongan tapak warisan dunia melalui penglibatan komuniti dan pelancong.

### **Kepentingan Kajian Bina-Tempat Pelancongan**

Kepentingan kajian bina-tempat pelancongan khususnya di TWD membantu pihak kerajaan dalam merangka dan melaksanakan dasar-dasar berkaitan pelancongan, termasuklah perancangan pembangunan pelancongan, dan penglibatan tuan rumah-pelancong. Bagi destinasi pelancongan bertemakan warisan, para penyelidik Timothy & Boyd, (2003); Ho & McKercher, (2004) menyatakan bahawa pengurusan warisan merupakan aspek kritikal kerana sumber warisan adalah terhad serta memerlukan pemuliharaan dan pengurusan yang baik. Pengiktirafan TWD menjadikan warisan itu sebagai jenama terkemuka antarabangsa untuk menarik perhatian pelancong datang melawat (Beck, 2006). Hal ini disebabkan pengiktirafan tapak warisan dunia membuktikan warisan tersebut diiktiraf dunia oleh UNESCO dan sekali gus menarik perhatian dunia untuk melawat tapak tersebut (Poria et al, 2010).

Bagi destinasi pelancongan TWD yang diiktiraf oleh UNESCO, proses bina-tempat pelancongan memerlukan pelbagai pihak bagi mengekalkan status yang diperolehi. Proses mendapat pengiktirafan tapak warisan dunia, keperluan memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh UNESCO merupakan perkara utama dalam mendapatkan dan mengekalkan status tersebut. Tanpa penglibatan komuniti dan pengalaman tempat yang negatif, status boleh ditarik balik kerana merupakan syarat pembangunan lestari di TWD di destinasi pelancongan warisan Ahmat et al, (2016); Rasoolimanesh et al, (2017c). Tambahan pula, penyelidik Human, (2015) menyatakan pihak UNESCO telah memberi panduan yang lebih menjurus kepada penglibatan bersama pihak berkepentingan.

Akhir sekali, kelestarian pada destinasi pelancongan TWD memberi kesan kepada pihak berkepentingan, komuniti dan pelancong daripada segi ekonomi, sosiobudaya dan persekitaran hasil daripada aktiviti pelancongan. Tambahan pula, perhubungan interaksi tuan rumah-pelancong yang positif memberi kesan penglibatan bersama dalam bina-tempat pelancongan. Pemilihan destinasi pelancongan TWD dalam meneroka proses bina-tempat kerana TWD berkaitan tempat dan manusia yang mempunyai kepentingan sangat sehingga wujudnya pengiktirafan antarabangsa. TWD mempunyai nilai daripada sudut ekonomi namun pengiktirafan pada asasnya menekankan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber warisan. Maka, penglibatan pihak berkepentingan, komuniti dan pelancong dalam proses bina-tempat pelancongan adalah penting bagi tujuan kelestarian destinasi pelancongan.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kupasan kepustakaan bagi pembangunan kearangka kajian. Kaedah ini dapat membantu dalam mengenal pasti jurang bidang kajian bina-tempat yang pelbagai (Dupre, 2018). Melalui kaedah kupasan kepustakaan dapat membantu pengkaji meneroka jurang kajian yang belum diterokai oleh kajian-kajian empirikal semasa (Pickering & Byrne, 2014). Terdapat pelbagai sumber sekunder kepustakaan yang telah digunakan seperti artikel jurnal, buku dan laporan serta tesis yang mempunyai kata kunci bina-tempat dan pelancongan telah digunakan bagi membina kerangka teoretis. Elemen teoritis dan hasil kajian empirikal para pengkaji menjadi panduan dalam mengulas isu berkaitan bina-tempat dan penyesuaian dalam pelancongan tapak warisan dunia. Bagi tujuan makalah ini, pengkaji meneroka bina-tempat pelancongan tapak warisan dunia. Hal ini disebabkan proses bagi mendapatkan pengiktirafan TWD memerlukan penglibatan yang berterusan. Pemilihan kawasan kajian di Bandaraya Melaka yang diisyiharkan sebagai tapak warisan dunia kerana destinasi tersebut telah mendapat pengisytiharan sejak 2008 dan kekal dengan status tersebut sehingga tahun 2022.

## Perspektif Jurang Kajian Bina-Tempat

Pengekalan status TWD memberi cabaran kepada pihak pengurusan tapak kerana untuk terus mengekalkannya memerlukan penglibatan daripada semua pihak. Sebaliknya, konflik dan persepsi negatif yang berterusan di antara pihak pengurusan tapak, pihak berkepentingan dan pelancong dengan komuniti, akan menyebabkan status yang diperolehi akan ditarik balik sekali gus akan memberi impak besar kepada perkembangan industri pelancongan. Tambahan pula, eksloitasi TWD bagi tujuan sosioekonomi turut telah memberi kesan negatif daripada sudut imej, keaslian dan kelestarian sumber tersebut. Malahan dengan adanya konsep bina-tempat pelancongan warisan, keterlibatan bersama diperlukan dalam menjayakan setiap perancangan, reka bentuk dan pengurusan pada setiap tempat tarikan pelancong.

Konsep bina-tempat dipelopori oleh penyelidik dari negara barat yang berlatarbelakangkan bidang alam bina seperti perancangan, seni bina dan landskap berbanding sains sosial seperti geografi, pemasaran, sosiologi dan antropologi (Friedmann, 2010; Sofield et al., 2017; Razali M.K et al., 2019b). Justeru, sumbangan bidang pelancongan terhadap ilmu bina-tempat adalah terhad dan penumpuan hanya kepada proses pembinaan imej dan jenama bagi suatu tempat tarikan pelancong sahaja (Lew, 2017b). Di Malaysia, para penyelidik berlatarbelakangkan bidang alam bina menguasai konsep bina-tempat, kajian berkaitan pelancongan dijadikan sebahagian perbincangan sahaja atau hanya menjadi lokasi kes terutamanya berkaitan persekitaran alam bina termasuklah bandar warisan (Ujang & Muslim, (2014); Zalina et al., (2013); Aziz & Liu, (2011) dan imej pelancongan (Khalid & Muzaini, (2016); Bouchon, (2014); Raad & Badarulzaman, (2014); Suet & Badarulzaman, (2014).

Hal ini sinonim dengan industri pelancongan yang menjadikan sumber warisan sebagai tempat tarikan pelancong dan produk untuk menarik para pelancong. Jurang kajian berkaitan konsep bina-tempat adalah ilmu kepelbagaiannya antara bidang yang mana tidak terhad kepada bidang alam bina dan kajian berkaitan bina-tempat berkaitan pelancongan terutamanya pelancongan warisan masih terhad sumbangan daripada aspek perancangan, reka bentuk dan pengurusan dan kesannya kepada persekitaran dan kehidupan komuniti oleh pengkaji-pengkaji di Malaysia. Hal ini turut disokong disebabkan latar belakang geografi, demografi penduduk dan sosiobudaya serta peruntukan dan polisi kerajaan Malaysia tidak sama dengan negara-negara barat.

Perkembangan para penyelidik kajian berkaitan subjek bina-tempat tidak terhad kepada bidang alam bina sahaja tetapi turut disesuaikan bidang sains sosial. Sudah pasti kajian bina-tempat dipelopori bidang kajian perancangan bandar, seni bina, landskap oleh Ferbrache & Knowles, (2017); Fincher et al, (2017); Shaw & Montana, (2016) termasuklah pemeliharaan sumber warisan di bandar Ertan & Egercioglu, (2016); Zakaria & Ujang, (2015) malah beberapa bidang lain turut menjadikan bina-tempat sebagai subjek dalam bidang teknikal dan sains sosial termasuklah teknologi maklumat, Brunnberg & Frigo, (2012), geografi, Wang, (2015), pelancongan, Lew, (2017b), ekonomi, Markusen & Gadwa, (2010) dan pemasaran, Baka, (2015).

Walaubagaimanapun, isu-isu yang didebatkan dalam bidang alam bina berkisar isu morfologi, persepsi, sosial, visual, fungsi dan masa Zalina et al., (2013), manakala bidang sains sosial membincangkan isu berkaitan sumber warisan, Ertan & Egercioglu, (2016), komuniti, Balassiano & Maldonado, (2015), sosioekonomi Selvadurai et al., (2013), identiti, (Wang, 2015), imej (Bouchon, 2014), dan media sosial (Bodker & Browning, 2014). Manakala kajian bina-tempat pelancongan peringkat dunia memfokuskan empat isu besar yang utama iaitu pelancong-tuan rumah, destinasi, pemasaran, dan komuniti (Razali et al, 2017a).

Kajian bina-tempat di Malaysia masih terhad kepada pilihan gabungan pelbagai bidang di antara bidang pelancongan dengan pemasaran, perancangan bandar, seni bina, landskap, polisi, antropologi, sosiologi dan keagamaan seperti kajian penyelidik (Ujang & Muslim, 2014; Sofield et al., 2017; Khalid & Muzaini, 2016; Zakariya et al., 2015). Selain itu isu imej dan jenama turut menjadi pilihan untuk dibincangkan dalam penyesuaian bina tempat seperti (Bouchon, 2014; Al-Shams & Badarulzaman, 2014). Bagi isu lain seperti penyesuaian bina-tempat dengan tempat tarikan terhad kepada kajian berkaitan pelancongan ekologi (Habibah et al., 2013), pelancongan pulau (Aziz & Liu, 2011) dan pelancongan bandar (Zalina et al., 2013). Kajian berkaitan bina-tempat di Malaysia memfokuskan penglibatan komuniti dan pembangunan kelestarian (Razali et al., 2019b). Terdapat keperluan kajian penyesuaian bina-tempat secara menyeluruh mengikut penjelasan pada takrif operasi bina-tempat daripada sudut perancangan, reka bentuk dan pengurusan tempat tarikan pelancongan yang ditetapkan dalam kajian ini. Kelompongan yang dilihat pengkaji adalah bagaimana bina-tempat pelancongan warisan berlaku sehingga tersenarai dan mengekalkan status TWD yang diperolehi. Berdasarkan ulasan kepustakaan, bina-tempat bidang alam bina dan sains sosial tidak membincangkan secara menyeluruh proses bina tempat dan hanya menyesuaikan subjek bina-tempat pada isu imej dan jenama tempat, isu kesan sumber warisan dan persekitaran serta isu hubungan di antara tempat tarikan dengan pihak pengurusan tapak, pihak berkepentingan dan pelancong sahaja tanpa meneroka peranan komuniti sepenuhnya dalam proses bina-tempat. Akhirnya penyesuaian bina-tempat pelancongan warisan sering dilakukan oleh golongan atasan tanpa penglibatan komuniti keseluruhannya.

Konsep bina-tempat memerlukan penglibatan komuniti bersama golongan profesional dalam menjayakan prosesnya (Beza, 2016). Hal ini disebabkan komuniti merupakan sebahagian daripada persekitaran sesuatu tempat tarikan pelancongan. Bina-tempat adalah pendekatan penglibatan komuniti diperlukan kerana kepakaran golongan ini dalam memahami fungsi dan makna bagi sesuatu tempat. Pada tempat tarikan pelancongan warisan TWD sudah pasti komuniti merupakan sebahagian warisan pada tempat tersebut dan tidak boleh dipisahkan penglibatan mereka dalam menjadikan sesuatu tempat biasa tempat yang menarik serta syarat dalam menjadikan TWD sebagai kaedah pembangunan lestari yang ditetapkan UNESCO.

Namun di Malaysia, penglibatan awalan komuniti hanyalah di peringkat awalan perancangan kerana melalui peruntukan undang-undang yang mewajibkan penyertaan awam dalam memberi pandangan dan komen bagi setiap penyediaan perancangan struktur dan tempatan (Ismail & Said, 2015.). Manakala kelayakan memperoleh status TWD penglibatan komuniti adalah perlu bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak UNESCO (Ismail, 2013). Namun kaedah tersebut masih diperdebatkan kerana had dan kapasiti komuniti dalam proses tersebut terbatas (Anuar & Saruwono, 2012). Hal yang demikian, wujudnya konflik di antara komuniti dengan pengurusan tempat (Rasoolimanesh & Jaafar, 2016b). Konflik yang timbul telah mewujudkan persepsi negatif terhadap proses perancangan reka bentuk dan pengurusan terutamanya aspek keterikatan tempat, perasaan sepunya dan sekali gus memberi pengalaman tempat yang tidak berkualiti di tempat tarikan pelancong (Lew, 2017a).

Tambahan perancangan pelancongan di Malaysia yang merangkumi tempat tarikan pelancongan warisan termasuk TWD membuktikan kerajaan memainkan peranan penting dalam proses merancang dan membangunkan tempat tarikan pelancong melalui pendekatan atas-bawah (Mosbah & Khuja, 2014). Selain itu, pihak pengurusan tempat tarikan warisan hanya memilih pihak berkepentingan sahaja dalam proses pembangunan tanpa melibatkan komuniti (Solihah et al., 2015). Hal ini akan menyebabkan konflik yang lebih serius terutamanya aktiviti pelancongan yang melibatkan komuniti sekitar. Selain itu, bagi tempat tarikan pelancongan warisan, TWD, peranan kerajaan yang mengutamakan kegiatan ekonomi kesan jenama TWD turut menjadi masalah dalam proses bina-tempat kerana mementingkan kehadiran pelancong serta penyedia perkhidmatan. Oleh sebab itu, kebanyakannya proses bina-tempat pelancongan termasuk tempat tarikan pelancongan warisan biasanya membabitkan pendekatan perancangan berorientasikan atas-bawah. Ini bertentangan dengan kenyataan para pengkaji pelancongan (Agrusa et al., 2003) menyatakan bahawa pelancongan warisan hendaklah menekankan aspek interpretasi manusia kepada sumber tarikan warisan. Maka, seharusnya perancangan berorientasi bawah-atas dilaksanakan bagi memberi kualiti pengalaman kepada para pelancong.

Perbezaan cara pendekatan atas-bawah atau pendekatan bawah-atas memberi implikasi dalam proses bina-tempat kerana memberi impak kepada sumber tarikan, komuniti dan para pengunjung (Delconte et al., 2015). Akibatnya, pelancong akan menerima suatu pengalaman yang tidak berkualiti kerana reka bentuk berlandaskan pihak atasan terutamanya golongan profesional seperti perancang bandar dan arkitek. Kesannya, kurangnya kualiti pada pengalaman yang diperolehi pelancong menyebabkan penentuan kepuasan pada lawatan tersebut. Hal ini disebabkan, pengalaman yang diperolehi pelancong merupakan elemen penting dalam penyesuaian bina-tempat pelancongan yang seharusnya dititikberatkan oleh para perancang bagi memenuhi jangkaan dan kepuasan pelancong (Mansouri & Ujang, 2016). Di samping itu, proses bina-tempat tempat tarikan pelancongan warisan yang lain dengan TWD mempunyai perbezaan kerana sentiasa perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak UNESCO terutamanya penglibatan komuniti, dan status yang diperolehi bukan berbentuk kekal. Melalui proses bina-tempat komuniti, pihak berkepentingan dan pelancong dapat menyumbang kepada kelestarian dan pengekalan status tempat tarikan pelancongan warisan di TWD kerana status yang diperolehi memberi impak yang besar kepada kehadiran para pelancong yang berterusan. Justeru, persoalan kajian dalam membangunkan kerangka teoritis ini adalah sejauh manakah proses bina-tempat pelancongan menepati syarat, kehendak, dan kesannya terhadap komuniti dan pelancong di Tapak Warisan Dunia Melaka.

## Teori Dan Komponen Dalam Pembangunan Kerangka Teoritis Bina-Tempat Pelancongan

### **Teori Sistem Pelancongan**

Pelancongan ditakrifkan sebagai suatu sistem yang dihubungkan dengan beberapa elemen seperti pelancong, tempat penjanaan, laluan kawasan persinggahan, tempat tarikan pelancongan dan persekitaran (Leiper, 1979a). Peringkat awal perkembangan era moden pelancongan, para penyelidik pelancongan mengelaskan takrif pelancongan kepada tiga iaitu mengikut perspektif ekonomi, teknikal dan holistik sehinggalah pengkaji Leiper, (1979b) memperkenalkan sistem pelancongan yang dikenali sehingga hari ini.



Sumber: Ubahsuai daripada Leiper, (1979b)

**Rajah 2. Sistem Pelancongan**

Melalui sistem pelancongan yang diperkenalkan seperti Rajah 2, pelancongan dijelaskan sebagai suatu sistem yang dihubungkan dengan beberapa elemen seperti pelancong, tempat penjanaan, laluan kawasan persinggahan, tempat tarikan pelancongan dan persekitaran. Sehingga kini takrif yang diguna pakai ialah "Pelancongan sebagai, suatu sistem terbuka yang mempunyai hubungan persekitaran yang luas, elemen manusia iaitu pelancong, elemen kawasan iaitu kawasan asal, kawasan persinggahan dan kawasan destinasi yang terpilih, elemen ekonomi iaitu industri pelancongan dan elemen dinamik iaitu individu yang mengembara bagi tujuan berhat jauh dari tempat asal mereka selama lebih kurang satu hari" (Leiper, 1981b). Dengan memahami sistem pelancongan, pengkaji akan melihat keseluruhan aspek tempat tarikan pelancongan secara terperinci. Di samping itu, sistem pelancongan penting bagi tujuan pemahaman suatu tempat tarikan pelancongan kerana terdiri daripada pelbagai perkhidmatan, sumber, infrastruktur, kemudahan dan pengalaman dalam membuat sesuatu perancangan pelancongan (Inskeep, 1991;Getz, 1986).

Perancangan pelancongan merupakan salah satu cara menggunakan sumber tarikan tempat pelancongan dengan betul dan mengelakkan berlaku impak negatif kepada alam dan komuniti setempat (Kimbu & Ngoasong, 2013). Perancangan pelancongan merupakan satu proses membuat keputusan secara terperinci dan menjadi asas kepada bagaimana tempat tarikan pelancongan sepatutnya dibangunkan (Penny, 2013). Justeru evolusi perkembangan pendekatan perancangan pelancongan bermula dengan pendekatan industri, pendekatan *boosterism*, pendekatan guna tanah sehinggalah pendekatan komuniti (Okazaki, 2008). Hal ini disebabkan cabaran terbesar sebagai perancang pelancong kini adalah penerimaan dan persepsi

komuniti terhadap sesuatu pembangunan yang akan dibuat melibatkan imej tempat tarikan pelancongan dan kehidupan mereka (Ben et al., 2013).

Justeru, setiap negara pertubuhan pelancongan dunia (UNWTO) sentiasa merancang dan membangunkan industri pelancongan berdasarkan sumber tarikan pelancongan tersendiri. Industri pelancongan turut mengalami transformasi perancangan secara terperinci, fleksibel, responsif, sistematik sehingga penglibatan (Ibrahim & Razzaq, 2010). Hal ini disebabkan pelancongan melibatkan perkembangan fenomena tempat kepada destinasi pelancongan (Dredge & Jenkins, 2003). Di Malaysia, perancangan dilakukan oleh pihak kerajaan bagi membangunkan sesuatu kawasan sama ada peringkat kebangsaan, negeri maupun tempatan. Rancangan Malaysia merupakan rancangan agenda pembangunan utama bagi tempoh lima tahun. Sehingga kini Malaysia berada di bawah perancangan RMK11 bagi tempoh 2016-2020 (Unit Perancangan Ekonomi, 2016). Namun, aspek utama dalam menjalankan perancangan secara praktikal adalah menilai situasi semasa destinasi (tempat) dengan penglibatan komuniti (manusia) sebelum meneruskan agenda perancangan tersebut (Okazaki, 2008).

Tambahan dalam memahami proses bina-tempat merupakan bidang intradisiplin, pelbagai disiplin dan rentas disiplin (Sofield et al., 2017). Penekanan kepada proses bina-tempat iaitu proses tapak warisan dunia dirancang, direka bentuk dan ditadbir urus menjadi keperluan bagi mencapai kelestarian pada tempat tarikan pelancongan. Pada perancangan pelancongan, memahami sistem pelancongan adalah amat penting bagi tujuan pemahaman suatu tempat tarikan pelancongan kerana terdiri daripada pelbagai perkhidmatan, sumber, infrastruktur, kemudahan dan pengalaman (Anuar et al., 2012; Inskeep, 1991; Getz, 1986).

### ***Tipologi Penglibatan Komuniti-Pelancong Destinasi Pelancongan***

Penglibatan dalam bina-tempat pelancongan melibatkan komuniti dan pelancong pembangunan destinasi pelancongan. Sistem pelancongan, wujudnya dua komponen utama iaitu tuanrumah dan pelancong bagi melengkapinya sebagai destinasi pelancongan (Suryati & Iqral 2018). Komuniti telah menerima pelbagai impak dari setiap pembangunan pelancongan yang mereka alami hasil dari perancangan pelancongan. Penglibatan komuniti dalam setiap pembangunan pelancongan adalah penting daripada segi kesepakatan dalam mencapai matlamat , menaik taraf kehidupan , meningkat keupayaan individu di kalangan komuniti (Rasoolimanesh et al. 2017c). Dari sudut perancangan pelancongan, penglibatan komuniti telah menjadikan salah satu cara teknik perancangan yang menggunakan Pendekatan berorientasi komuniti (Marzuki & Hay 2013). Disamping itu , pada tahun 2004, pihak UNESCO telah memberi panduan yang lebih menjurus kepada penglibatan bersama antara pihak berkepentingan , komuniti dan termasuk pelancong dalam Panduan Operasi di Tapak Warisan Dunia seperti pernyataan diatas (Human 2015). Dalam mengukur tahap penglibatan komuniti dalam sesuatu perancangan tipologi penglibatan telah dibangunkan dengan mengambil kira sumber dan objektif projek, tahap penglibatan dan perkongsian kuasa dan tanggungjawab (Kayat K. et al. 2014). Terdapat tiga tipologi yang sering digunakan dalam mengukur tahap penglibatan komuniti iaitu Model Arnstein (1969), Model Pretty (1995), dan Model Tosun (1999). Manakala bagi pelancong, Model Kontinium Psikologikal (2013) telah digunakan untuk mengetahui tahap penglibatan pelancong pada destinasi pelancong(Filo et al. 2013). Penglibatan pada destinasi mempengaruhi motivasi untuk melakukan aktiviti lawatan (Alexandris et al. 2017; Filo et al. 2013; Funk & James 2006). Penglibatan pelancong merupakan aspek penting dalam memastikan kehadiran pelancongan yang berterusan di destinasi pelancongan (Hoz & Munoz 2018; Beaton et al. 2009). Penglibatan pelancong dalam

proses bina-tempat kerana selaku pengguna kepada perkhidmatan pada destinasi pelancongan tertumpu kepada perilaku pelancong. Justeru dalam perancangan dan pengurusan di TWD memerlukan keterlibatan bersama komuniti dan pelancong bersama pihak kerajaan bagi memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

### ***Destinasi Pelancongan Tapak Warisan Dunia di Malaysia.***

Setiap destinasi pelancongan wujud melalui proses bina-tempat sama ada secara semula jadi atau melalui perancangan pelancongan (Sofield et al., 2017). Para pengkaji menyatakan bahawa destinasi merupakan kriteria penting dalam pemilihan untuk pergi melancong disebabkan keunikan, keaslian, imej dan pengalaman (Cooper & Michael, 2008a; Zakariya et al., 2007; McCabe, 2005; Cary, 2004; Jackson et al., 1996; Gunn, 1988). Tambahan, kerjasama dan keharmonian semua pihak seperti komuniti, pihak berkepentingan, dan para pelancong merupakan asas kepada kejayaan bagi sesuatu tempat tarikan pelancong (Rose et al., 2018; Sharpley, 2014). Seterusnya dalam memahami sesuatu destinasi dibina, pemahaman berkenaan teori ruang dan teori tempat adalah saling berkaitan kerana wujudnya sesuatu tempat ialah hasil ruang-ruang yang membentuknya. Pengkaji Tuan, (1977) menyatakan bahawa ruang adalah lebih abstrak daripada tempat dan tidak mempunyai fungsi. Tempat ialah hasil daripada ruang namun tempat biasanya mempunyai lokasi yang tetap dan ciri-ciri fizikal serta memberi watak dan nilai tersendiri (Mazloomi & Ariffin, 2014; Relph, 1976) Hal ini termasuklah pelancongan yang dikaitkan dengan ruang dan tempat yang disatukan dengan kebudayaan, ekonomi dan kehidupan sosial komuniti (Saraniemi & Kyilanen, 2011).

Di Malaysia, destinasi pelancongan TWD dibina secara semula jadi dan perancangan konvensional berdasarkan faktor sejarah, sumber semula jadi dan sosiodemografi penduduk yang berbilang kaum. Hal ini turut menjadi faktor dalam aspek bina-tempat tempat tarikan pelancongan bersumberkan warisan. Bagi pencapaian Malaysia terdapat empat pengiktirafan TWD bermula dengan Taman Negara Kinabalu dan Taman Negara Mulu 2000, Bandar raya Melaka dan Georgetown pada tahun 2008 dan Warisan Arkeologi Lembah Lenggong tahun 2012, dan ini telah melonjakkan lagi perkembangan industri pelancongan di Malaysia (Latip et al., 2016). Pelbagai kebaikan diperolehi daripada pengiktirafan tersebut termasuklah daripada segi promosi tempat tarikan pelancongan peringkat global selain dana untuk projek pemeliharaan dan pemuliharaan warisan (Sazali et al, 2018).

### ***Adaptasi Bina-Tempat Dalam Pelancongan.***

Evolusi bina-tempat telah mengalami perubahan yang berterusan sehingga kini. Pengenalan awal konsep bina-tempat dalam bidang perancangan bandar bermula sekitar tahun 1960an oleh perancang bandar iaitu Jane Jacobs dan William H. Whyte di Amerika Syarikat (Strydom et al., 2018). Pertubuhan *Project for Public Spaces Inc* mendefinisi bina-tempat merupakan proses memanfaatkan aset, inspirasi, dan potensi komuniti setempat dalam menghasilkan penciptaan ruang awam berkualiti yang menyumbang kepada kesihatan, kebahagiaan dan kesejahteraan (*Project for Public Spaces Inc*, 2009).

Konsep bina-tempat yang dinyatakan oleh pengkaji pelancongan Lew, (2017b) berkaitan dengan pemasaran, namun melihat konsep asas bina-tempat dari bidang yang lain seperti menyatakan penglibatan komuniti sebagai pemain utama dalam proses bina-tempat (Wyckoff, 2014; Beza, 2016; Sofield et al., 2017). Bina-tempat ialah pendekatan penglibatan komuniti yang diperlukan kerana kepakaran golongan ini dalam memahami fungsi dan makna bagi sesuatu tempat. Pada destinasi pelancongan tapak warisan dunia sudah pasti komuniti

merupakan sebahagian warisan pada tempat tersebut dan tidak boleh dipisahkan penglibatan mereka dalam menjadikan sesuatu tempat biasa tempat yang menarik serta syarat dalam menjadikan TWD sebagai kaedah pembangunan lestari yang ditetapkan UNESCO. Justeru penekanan definisi bina-tempat pelancongan dalam makalah ini adalah proses satu proses menjadikan sesuatu ruang kepada destinasi yang berkualiti menerusi penglibatan komuniti dan pelancong.

### ***Komponen Dan Dimensi Dalam Bina-Tempat Pelancongan Di Tapak Warisan Dunia.***

Terdapat empat komponen yang menyumbang kepada proses bina-tempat pelancongan berdasarkan kajian-kajian lepas iaitu interaksi tempat, karakter tempat, keterikatan tempat, dan pengalaman tempat.

#### ***Interaksi Tempat***

Interaksi tempat yang berlaku diantara komuniti-pelancong merupakan bagaimana kesediaan komuniti menerima kehadiran pelancong dan kesediaan pelancong memahami komuniti merupakan komponen dalam destinasi pelancongan. Hal ini disebabkan komuniti dan pelancong yang terlibat dalam sistem pelancongan telah mengwujudkan proses sosial dalam pelancongan melalui interaksi kedua-dua pihak (Bimonte & Punzo 2016). Tambahan melalui kepentingan interaksi tempat diantara komuniti dengan pelancong kerana melibatkan pengalaman yang wujud pada destinasi pelancongan (Su & Wall 2010) . Interaksi komuniti-pelancong yang positif adalah penting bagi mencapai kelestarian destinasi pelancongan (Cohen 1984; Eusebio & Carneiro 2012). Pada interaksi tempat yang memberi hasil positif memberi faedah kepada komuniti dan pelancong(Dragicevic et al. 2011; Xianger et al. 2014;Canavan 2016).Dalam pelancongan, interaksi berlaku pada iaitu ruang, produk dan aktiviti, (Aris et al., 2012).

#### ***Karakter Tempat***

Karakter tempat merupakan pencirian dalam menjadikan destinasi pelancongan. Karakter tempat mempunyai keperluan fizikal dan bukan fizikal. Karakter tempat menjadi motivasi utama para pelancong untuk melawat. Karakter tempat turut merupakan tempat tinggal komuniti dan menggunakan kemudahan perkhidmatan dan infrastruktur. Penyelidik (Lew, 1989b) menyatakan karakter tempat merangkumi keunikan dan keaslian. Karakter tempat pada destinasi pelancongan dikaitkan dengan pemasaran pelancongan yang dibangunkan melalui strategi peletakan destinasi pelancongan (Mohamad et al., 2012). Karakter tempat pada destinasi pelancongan merupakan gambaran terhadap apa yang berada di destinasi pelancongan yang dilawati. Produk pelancongan yang asli dan terlindung amat penting dalam mengekalkan imej destinasi pelancongan TWD (Vong, 2013). Hal ini menunjukan pengurusan sumber warisan yang baik menjadikan imej positif pada warisan sekali gus memberi persepsi yang baik pada imej destinasi pelancongan (ICOMOS, 1999). Terdapat lima dimensi karakter tempat pada suatu destinasi iaitu tarikan, perkhidmatan, infrastruktur, hospitaliti dan kos (Kozak & Rimmington,1998).
